

Perutusan Pengerusi

Datuk Syed Zaid Albar
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Saya amat berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi tahun 2021.

Tidak dinafikan ia merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi pasaran modal Malaysia. Namun begitu, pasaran modal Malaysia domestik berkembang sebanyak 3% kepada RM3.5 trilion pada 2021, disokong oleh infrastruktur kawal selia pasaran modal yang kukuh, ekosistem pasaran yang dipelbagai dan tahap permodalan peserta pasaran yang mantap. Lebih penting lagi, pasaran modal terus memainkan peranan utamanya dalam membiayai ekonomi dan menjadi pengantaraan tabungan dengan peningkatan ketara dalam aktiviti pengumpulan dana dan pertumbuhan yang memberangsangkan bagi keseluruhan industri pengurusan dana.

Pada tahun sebelumnya, SC telah bekerjasama rapat dengan Bursa Malaysia dan pihak berkepentingan utama untuk membantu perniagaan pulih dan dibina

semula berikutan kesan ekonomi COVID-19. Pelbagai pelepasan kawal selia kepada pasaran dan syarikat tersenarai telah dilanjutkan ketika SC menyelaraskan keutamaan strategiknya bagi memastikan pasaran modal kekal adil dan teratur, dan risiko yang muncul dipantau secara berkesan. Kami terus mempergiat inisiatif pembangunan terutamanya dalam meningkatkan agenda kemampanan, memperkembang pasaran modal Islam (ICM) dan menggalakkan inovasi.

SC juga mengeluarkan *Pelan Induk Pasaran Modal 3 (CMP3)* pada separuh kedua tahun berkenaan. Ini akan menetapkan nada dan hala tuju bagi inisiatif pembangunan dan pengawalseliaan untuk jangka sederhana. Saya yakin bahawa CMP3 akan melahirkan satu ekosistem pasaran yang relevan, cekap, dipelbagai dan inklusif.

MELINDUNGI PELABUR DAN MENDUKUNG TADBIR URUS KORPORAT

Usaha perlindungan pelabur sepanjang tahun lalu bertumpu dalam membanteras aktiviti tidak berlesen. Tindakan yang diambil terhadap aktiviti tidak berlesen dan pengendali yang tidak dibenarkan termasuk mengeluarkan 24 perintah henti operasi kepada individu yang memberi khidmat nasihat pelaburan tidak berlesen, 13 sekatan pentadbiran melalui celaan dan arahan, dan menyekat akses kepada 143 laman web melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Satu pasukan petugas dalaman juga ditubuhkan untuk menyiasat skim penipuan pelaburan dan firma klon yang menyemak 159 akaun bank yang telah mengenal pasti 32 individu yang berkepentingan.

Kami terus melaksanakan program pendidikan pelabur utama melalui saluran digital. Program celik digital kepada warga emas dan siri InvestSmart® secara dalam talian turut diadakan untuk merapatkan jurang digital.

SC terus melaksanakan kuasa penguatkuasaannya terhadap pelanggaran undang-undang sekuriti dengan menggunakan pelbagai instrumen penguatkuasaan yang meluas yang ada di bawah undang-undang sekuriti, iaitu pendakwaan jenayah, tindakan penguatkuasaan sivil, pengeluaran kompaun dan sekatan pentadbiran. Pada 2021, melalui tindakan penguatkuasaan sivil, kami telah mengembalikan sebanyak RM2.7 juta kepada 721 pelabur yang telah mengalami kerugian akibat pelanggaran tersebut.

Memandangkan naik turun dan ketidaktentuan pasaran yang berterusan, kami telah meningkatkan keupayaan pemantauan pasaran pada tahun berkenaan, termasuk penyeliaan aktiviti bon korporat pengambilalihan dengan lebih menyeluruh. Penilaian seliaan yang kerap dan semakin tematik telah dijalankan untuk memantau kedudukan kecairan pengantara kami dan menentukan keupayaan mereka untuk menangani tekanan penebusan.

Pada tahun berkenaan, kami juga telah mengemas kini *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG)

dengan mengambil kira perubahan kepada struktur perniagaan dan kepentingan pertimbangan terhadap kemampanan demi melangkah ke hadapan. Sukacita juga saya melaporkan bahawa kami telah memulakan kolaborasi pertama kami bersama pihak akademik melalui penyampaian beberapa siri syarahan mengenai tadbir urus korporat kepada pelajar institut pengajian tinggi. *Keutamaan Strategik Tadbir Urus Korporat 2021-2023 SC* (Keutamaan Strategik CG) melambangkan satu lagi langkah ke hadapan dalam meningkatkan kepimpinan lembaga pengarah serta menerapkan pertimbangan terhadap alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam amalan korporat domestik.

MEMUDAHCARA AKSES PASARAN DAN PENGGUNAAN DIGITAL

Meluaskan akses untuk penerbit dan pelabur terus menjadi keutamaan pembangunan yang penting bagi SC. Ia melibatkan usaha untuk menggalakkan persekitaran pengumpulan dana dan pelaburan yang inovatif dan berkesan yang menyokong rangkaian produk dan perkhidmatan yang pelbagai dan saling melengkapi.

Akses bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) kekal sebagai keutamaan dalam inisiatif pertumbuhan. Sejak pengenalan pendanaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan platform pembiayaan rakan setara (pembiayaan P2P), sejumlah RM2.7 bilion telah dikumpulkan kepada lebih 4,000 PMKS. Usaha sepanjang tahun lalu termasuk memperluaskan jenis penerbit yang layak untuk ECF serta meningkatkan had pengumpulan dana ECF. *Kit Penilaian Saringan Syariah bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana* juga dikeluarkan untuk membantu mereka dalam melaksanakan pembiayaan patuh Syariah.

Pengumpulan dana melalui pasaran ekuiti dan bon konvensional menyaksikan peningkatan yang ketara kepada RM130.9 bilion pada 2021. SC terus memperluas akses untuk tawaran awam awal (IPO) di mana Bursa Malaysia diberi kuasa sebagai pusat sehati bagi penyenaian Pasaran ACE berkuat kuasa 1 Januari 2022 dan semakin terhadap rangka kerja syarikat pemerolehan tujuan khas (SPAC).

Sebagai tindak balas kepada minat pelabur yang semakin meningkat terhadap produk alternatif dan pelbagai, SC meluaskan kategori pelabur sofistikated untuk menambah senarai pelaburan yang dibenarkan untuk industri unit amanah bernilai RM526.9 bilion.

Aset digital terus menarik minat pelabur individu, dengan nilai dagangan keseluruhan hampir RM21 bilion. Bitcoin Cash merupakan tambahan terkini kepada rangkaian aset digital yang dibenarkan. SC juga meluluskan platform dan pengantara pasaran digital baharu untuk mengembangkan saluran pengedaran dan penawaran produk. Disamping itu, program Pecutan Fintech Islam FIKRA (FIKRA) telah dilancarkan untuk meningkatkan penyelesaian inovatif bagi ICM Malaysia yang bernilai RM2.3 trilion.

KE ARAH PASARAN MODAL YANG MAMPAN

Hasrat untuk mencapai amalan kemampanan terus menjadi pendorong perubahan, dengan tumpuan global bertumpu kepada kewangan mampan. Dalam konteks pasaran modal Malaysia, inisiatif kemampanan bertumpu kepada usaha menggalakkan pelaburan mampan dan bertanggungjawab (SRI), pembiayaan hijau, serta produk dan perkhidmatan Islam pelengkap.

Dalam membangunkan ekosistem pasaran SRI domestik yang cergas, pelbagai pemboleh telah disediakan seperti penubuhan Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim (JC3), yang dipengerusikan bersama oleh SC dan Bank Negara Malaysia (BNM), Taksonomi SRI, panduan berhubung pengurusan risiko iklim dan analisis senario serta penzahiran risiko iklim. Di peringkat serantau, SC dan rakan pengawal selia yang lain kini sedang dalam perundingan bersama pihak berkepentingan mengenai Taksonomi ASEAN untuk kewangan mampan.

Pertumbuhan pembiayaan hijau dan peralihan serta penyelesaian kewangan Islam adalah penting demi kejayaan usaha-usaha ke arah kemampanan. Sehubungan itu, SC telah membangunkan program NaviGate untuk meningkatkan kesedaran tentang

pembiayaan hijau dan untuk memadankan pihak korporat, termasuk PMKS, dengan penyelesaian pembiayaan yang sesuai. Dari segi kewangan sosial Islam, dana berciri wakaf terus menarik minat, di mana empat dana telah dikeluarkan di bawah Rangka Kerja Dana Berciri Wakaf pada Disember 2021.

MELANGKAH KE HADAPAN PADA 2022

Prospek tahun yang lebih baik untuk pasaran modal Malaysia adalah berdasarkan pemulihan ekonomi domestik yang berkekalan. Pelaksanaan inisiatif CMP3 turut memberikan rangsangan selanjutnya kepada aktiviti pasaran. SC akan terus berwaspada dalam mengharungi tahun mendatang kerana masih ada beberapa cabaran yang berpotensi memburukkan lagi volatiliti pasaran dan menjejaskan sentimen.

Teknologi akan terus menjadi pemacu utama untuk pertumbuhan dan pembangunan pasaran. Di peringkat dalaman, hala tuju teknologi SC akan mempercepat penggunaan keupayaan pembelajaran mesin dan teknologi penyeliaan (SupTech) untuk meningkatkan keberkesanan fungsi kawal selia kami. Walau bagaimanapun, ketika alatan dalam talian dan penyelesaian teknologi kawal selia (Regtech) diterima oleh industri, adalah penting untuk memperakui risiko penggunaan teknologi dan ancaman siber.

Penerimaan SC terhadap rangka kerja tadbir urus risiko yang dipertingkatkan telah menambah keberkesanan pengawasan dan pemantauan kami terhadap potensi risiko sistemik. Rangka kerja tersebut, yang mengintegrasikan kelakuan, teknologi dan risiko siber ke dalam penilaian risiko sedia ada, membolehkan pengesanan risiko yang lebih baik dengan implikasi seluruh pasaran.

Kami juga akan meneruskan usaha untuk memperluaskan saluran pengumpulan dana bagi PMKS, termasuk memudahkan akses kepada pasaran bon korporat domestik. Langkah sedemikian adalah penting untuk menyokong pemulihan dalam aktiviti ekonomi pada masa hadapan.


Meningkatkan kesejahteraan kewangan merupakan satu lagi bidang tumpuan. SC akan bekerjasama rapat dengan industri untuk meningkatkan kepelbagaian produk pelaburan dan persaraan. Sehubungan ini, penyampaian dan jangkauan program pendidikan kewangan dan mendekati pelabur akan diperluaskan di luar Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama. 'Agen Bijak Labur Desa' dan 'Klinik Digital untuk Bandar B40' anjuran SC akan menyasarkan segmen penduduk yang rentan, terutamanya masyarakat luar bandar, warga emas dan miskin di bandar, untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang risiko pelaburan dan peluang serta kaedah untuk mengenal pasti skim penipuan.

Pada 2022, sumber juga akan diperluaskan untuk memacu pelaksanaan Keutamaan Strategik CG 3 tahun SC. Ini termasuk kerjasama rapat dengan kerajaan dan sektor swasta untuk memacu kepelbagaian dalam lembaga pengarah, mempertingkatkan penzahiran mengenai kemampanan dan meneruskan program kami dengan institusi pengajian tinggi untuk menerapkan amalan CG yang baik dalam kalangan belia. Saya percaya persekitaran CG akan diperkukuhkan dengan pelancaran pelbagai inisiatif tadbir urus korporat Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) untuk syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Pertimbangan ke atas kemampanan juga akan merangkumi spektrum luas aktiviti pasaran modal. SC akan melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyokong industri dalam usaha mereka untuk mengguna pakai pertimbangan dan penzahiran berhubung kemampanan termasuk rangka kerja Taksonomi SRI dan nota panduan tentang risiko ESG untuk pengurus dana.

Dengan bermulanya pembinaan semula perniagaan dan pasaran modal, pencapaian sasaran pemulihan kita adalah bergantung kepada usaha kolektif, komitmen dan kerjasama semua. Kerjasama dan libat urus bersama pengawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain di dalam dan di luar Malaysia adalah sama penting dalam memastikan SC melaksanakan tanggungjawab kawal selianya dengan berkesan untuk mengekalkan integriti pasaran modal.

Ucapan terima kasih dan penghargaan saya tujukan kepada ahli-ahli Lembaga SC yang lalu dan sekarang serta ahli MPS, ahli Pasukan Eksekutif, serta kakitangan SC yang terus menunjukkan profesionalisme dan kesungguhan dalam kerja mereka. Dengan dedikasi dan sokongan mereka, saya yakin bahawa SC akan dapat melaksanakan apa yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun ini dan seterusnya.



Datuk Syed Zaid Albar